

## ETIKA KERJA CEMERLANG

1 Rabiulawal 1443H/ 8 Oktober 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala, dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wataala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wataala,

Kemajuan serta pembangunan sesebuah negara akan dapat dicapai jika sistem pentadbiran dan pengurusan berkualiti dan efisien. Islam telah lama menunjukkan cara dan jalan mengikut syarak untuk mencapai kualiti tersebut. Antaranya dengan menyediakan panduan mengenai akhlak dan etika dalam bekerja.

Setiap pentadbiran dan pengurusan yang berkualiti dan cemerlang memerlukan kepada peraturan dan etika kerja. Tanpanya pekerja akan bertindak sesuka hati dengan tidak mengikut peraturan dan undang-undang. Ini boleh menyebabkan berlakunya perkara-perkara seperti khianat, pecah amanah, penyelewengan, salah guna kuasa dan lain-lain lagi.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah Al-Anfaal ayat 27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: "*Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)*".

Oleh itu, setiap pekerja hendaklah mematuhi peraturan dan mengamalkan etika kerja yang murni. Antara etika kerja yang penting ialah bersifat ikhlas dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Orang yang ikhlas bekerja kerana Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh bagi menghasilkan prestasi kerja yang terbaik.

Orang yang ikhlas tidak melengah-lengahkan kerja yang diamanahkan dan tidak melakukannya sambil lewa. Mereka juga tidak akan mengambil kesempatan membazirkan masa kerja dengan berbual kosong, ponteng kerja, datang lewat tetapi cepat hendak pulang dan sebagainya.

Pekerjaan yang ikhlas merupakan suatu ibadat dengan syarat tidak bercanggah dengan syariat. Perkara ini telah dijelaskan dalam sebuah hadis riwayat Imam An-Nasaie daripada Umamah Al-Bahili katanya bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "*Sesungguhnya Allah tidak menerima suatu amalan melainkan dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala sahaja*".

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Fusilat ayat 46:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ، وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

Yang bermaksud: "*Sesiapa yang mengerjakan amal saleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya*".

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوَزَ  
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا بُجَاةَ التَّائِبِينَ.